

KEFAHAMAN DAN AMALAN FARDHU AIN DALAM KALANGAN BELIA MUSLIM DI SELANGOR: SATU SOROTAN KAJIAN

Haslina Hamzah, Zetty Nurzuliana Rashed, Noor Shamshinar Zakaria, & Zakiah Hassan
haslina@kuis.edu.my, zetty@kuis.edu.my, shamshinar@kuis.edu.my
zakiah@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Belia adalah aset bernilai kepada negara bagi merealisasikan hasrat menjadi negara maju. Namun, dengan arus globalisasi yang melanda dunia, apa yang berlaku pada hari ini ialah penglibatan belia dalam permasalahan akhlak dan gejala sosial yang menyimpang daripada nilai dan prinsip Islam. Media massa seringkali menyiarkan pelbagai berita tentang masalah sosial yang membabitkan belia. Kejahilan dalam beragama merupakan punca utama berlakunya pelbagai masalah terutamanya yang melibatkan belia. Manusia kehilangan arah dan tujuan kehidupan dalam membina jati diri dan identiti yang menjadikan kehidupan dibelenggu kejahilan, kemaksiatan serta rasional akal menjadi pegangan. Justeru, manusia terutamanya belia perlu memahami dan mengamalkan ilmu-ilmu asas fardu ain bagi menjamin keterikatan diri kepada Allah dan membawa kebaikan serta rahmat kepada manusia. Ilmu fardu ain ialah ilmu-ilmu yang diwajibkan ke atas setiap Muslim yang akil baligh untuk mempelajari dan mengamalkannya. Contohnya ilmu yang berkaitan dengan penyempurnaan ibadat seseorang seperti solat, puasa dan zakat. Di sebalik amalan-amalan tersebut, terdapat hikmah dan rahsia tertentu yang memberi kesan kepada kehidupan manusia. Maka, jelaslah ilmu fardu ain adalah ilmu yang berkait rapat dengan pembentukan peribadi mulia seseorang insan. Ilmu-ilmu ini akan membolehkan manusia menghayati tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi ini. Justeru itu, kajian ini mengupas tentang konsep belia dan fardhu ain yang memfokuskan kepada solat, zakat dan puasa. Kajian ini menggunakan kaedah kajian keperustakaan yang mana mencari maklumat berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan.

Kata kunci : Kefahaman, amalan, fardhu ain.

1.0 PENDAHULUAN

Belia adalah aset yang bernilai kepada negara. Mereka adalah golongan yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, dari segi strategi pelaksanaan program dan orientasi aktiviti, tumpuan utama ialah mereka yang berumur 18 hingga 25 tahun (Dasar Pembangunan Belia Negara, 1997). Menurut Asnarulkhadi (2009), belia berpengaruh secara positif kepada pembentukan negara sama ada dari aspek politik (pengundi), sosial (perpaduan) dan ekonomi (modal insan). Justeru, generasi belia di Malaysia haruslah menjadi belia *homo intelligence* iaitu generasi era pasca moden berpengetahuan, mempunyai imej peribadi yang tinggi, pandai menggunakan ilmu untuk kemajuan hidup serta dapat menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan negara (Jalaluddin, 2009). Aktiviti pembangunan belia juga perlu reaktif kepada keperluan belia dengan memberi tumpuan kepada penyerlahan potensi (Azimi, 2005) supaya semua hasrat murni yang diimpikan negara terhadap generasi ini dapat dijayakan.

Namun, dengan arus globalisasi yang melanda dunia, apa yang berlaku pada hari ini ialah penglibatan belia dalam permasalahan akhlak dan gejala sosial yang menyimpang daripada nilai dan prinsip Islam. Masalah disiplin seperti membuli, bergaduh, berkhalwat, penyalahgunaan dadah, melepak, ponteng sekolah, gengsterisme dan vandalisme adalah pada tahap yang serius (Saidi Daud, 2008).

Keadaan ini menimbulkan persoalan, adakah belia tidak melaksanakan fardhu ain dengan baik. Ini adalah kerana fardhu ain adalah ilmu yang berkaitan dengan penyempurnaan ibadat seseorang seperti solat, puasa, dan zakat. Di sebalik amalan-amalan tersebut, terdapat hikmah dan rahsia tertentu yang memberi kesan kepada kehidupan manusia. Ia juga adalah ilmu yang berkait rapat dengan pembentukan peribadi mulia seseorang insan yang membolehkan manusia menghayati tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT di muka bumi ini. Fariyah Hussain dalam kajiannya *Keruntuhan Akhlak di Kalangan Remaja: Suatu Kajian di Alor Setar*, mendapati tiada penghayatan ibadah khusus harian terutamanya solat fardhu telah menyumbang kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja.

2.0 KONSEP BELIA

Belia adalah generasi harapan bangsa dan negara untuk masa kini dan masa akan datang. Mereka adalah pewaris kepimpinan dan tunjang pembangunan dalam merealisasikan matlamat negara dalam apa jua aspek penting yang boleh menyumbangkan kepada bangsa dan tanah air.

Menurut Kamus Dewan (1994), belia ialah muda belia, sangat muda, golongan muda secara keseluruhannya yang terdiri daripada pemuda dan pemudi. Mohd Ismail (1999) mengambil pengertian belia dalam satu pembentangan kertas kerja oleh Kementerian Belia Negara pada tahun 1995, iaitu belia merupakan seorang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun dengan beberapa alasan:

- i. Ia merupakan takrif Majlis Belia Malaysia 1985.
- ii. Ia dianggap golongan yang mencapai taraf kematangan yang memuaskan dan mereka akan dapat menerima manfaat yang maksimum dari rancangan yang disusun.
- iii. Ia adalah sebahagian besar daripada jumlah rakyat di negara ini. Apa jua usaha pembinaan masyarakat akan meninggalkan kesan yang menyeluruh.

Azizan Bahari (1995) dalam bukunya *Pergerakan Belia: Persoalan dan Cabaran*, memberi penjelasan bahawa definisi belia yang digunakan kini iaitu golongan yang berumur antara 15 hingga 40 tahun terlalu luas. Bagi pendapat beliau, belia adalah golongan dalam lingkungan antara umur 15 hingga 30 tahun. Ia merupakan suatu lingkungan umur yang agak sesuai untuk digelar belia. Umur melebihi 30 tahun pada kebiasaannya seseorang itu sudah berkeluarga dan lebih mementingkan persoalan kerjaya di samping masa depan keluarga menjadi fokus dalam kehidupan. Definisi yang luas ini sudah tidak sesuai lagi bagi masyarakat kita yang cepat berkembang.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) khususnya ESCAP menggunakan lingkungan umur 15 hingga 25 tahun, manakala *Commonwealth Youth Programme* (CYP) menganggap kumpulan 18 hingga 35 tahun sebagai belia (Azizan 1995).

3.0 KONSEP FARDHU AIN

Fardhu ain adalah asas pembinaan kemuliaan peribadi seseorang. Matlamatnya membina individu yang soleh dan bilangan inilah yang mencorakkan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya. Ia merupakan perbuatan wajib yang tuntutan ditunjukkan pada setiap mukallaf. Manakala, ilmu fardhu ain ialah ilmu-ilmu yang diwajibkan ke atas setiap Muslim yang akil baligh untuk mempelajari dan mengamalkannya. Ilmu-ilmu tersebut ialah ilmu yang berkaitan dengan persoalan asas Islam, iaitu akidah, syariat dan akhlak.

Al-Ghazālī (1971) mentakrifkan ilmu fardhu ain sebagai “ilmu tentang tata cara amal perbuatan yang wajib. Oleh itu, barang siapa yang telah mengetahui ilmu yang wajib berserta waktu wajibnya, bererti dia telah mengetahui ilmu fardhu ain tersebut.” Sebagai contohnya ialah seorang Muslim yang berakal telah baligh, maka wajib atas dirinya mempelajari dua kalimat shahadat dan memahami maknanya.

Seseorang itu wajib melakukan sesuatu pada waktu yang wajib dilakukannya. Tidak gugur fardhu itu dari seseorang sekiranya ada orang lain yang melakukannya. Iajuga boleh definisikan sebagai melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah seperti keimanan, sembahyang, puasa, menuntut ilmu, berjihad dan seumpamanya.

Setiap mukallaf dituntut untuk melakukan suatu tuntutan itu secara individu dan dihukumkan berdosa jika seseorang itu meninggalkannya dengan sengaja. Dosa yang timbul hanya ditanggung oleh individu. Terdapat dua elemen penting untuk diketahui dalam fardhu ain iaitu:

Pertama:

Mengetahui kewajipan-kewajipan agama yang menjadikan akidah, keimanan dan fardhu-fardhu yang ditetapkan oleh Islam itu sah. Ia berupa beriman kepada Allah, Malaikat-Nya, Kitab-kitab-Nya, para Rasul-Nya, Hari Kiamat, dan ketentuan qadar yang baik dan jahat. Begitu juga rukun-rukun dan fardhu-fardhu sembahyang, zakat, puasa dan haji.

Kedua:

Mengetahui perkara haram yang qat’i dan menafikan agama seperti syirik kepada Allah, riba, zina, qazaf, minum arak, pengharaman mendedahkan aurat, pengharaman memakan bangkai,

memakan daging babi dan binatang yang disembelih untuk selain Allah kecuali bagi mereka yang terpaksa.

4.0 KEPENTINGAN FARDHU AIN KEPADA BELIA

Manusia termasuk belia adalah Khalifah Allah di muka bumi ini. Maksud khalifah ialah wakil dari Allah untuk mentadbir alam ini supaya ia aman, damai dan sejahtera. Setiap peribadi manusia itu berhak memegang jawatan tersebut sebagaimana firman Allah bermaksud:

‘Dialah menjadikan kamu khalifah-khalifah di muka bumi dan dialah yang meniggikan sebahagian kamu dari sebahagian yang lain beberapa darjat (pangkat) dari hal apa yang dikerjakan (Surah Al-An’am 165)’.

Sebagai khalifah Allah di muka bumi, manusia khususnya umat Islam wajib mempelajari pelbagai ilmu untuk mentadbir alam ini terutamanya ilmu pengetahuan dan pengamalan dalam Fardhu Ain sebagai asas kekuatan dalaman peribadi muslim untuk mengharungi kehidupan yang mendatang (Mohd Huzairi Awang, 2010). Ini adalah kerana, beban berat kepercayaan (amānah) telah diletakkan di atas setiap manusia, iaitu amanah dan tanggungjawab untuk memerintah sesuai dengan kehendakNYA.

Selain daripada itu, tugas dan tanggungjawab manusia termasuk belia adalah menjalankan ibadah kepada Allah. Inilah tujuan sejati manusia, wajib taat kepada Allah sesuai dengan hakikat dasar (fiṭrah) yang telah diciptakan Allah baginya. Hal ini sebagaimana yang terkandung dalam al-Qur’ān yang bermaksud:

“Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Islam); (sesuai) fitrah Allah disebabkan Dia telah menciptakan manusia menurut [fitrah] tersebut. Tiada perubahan pada ciptaan Allah. (Itulah) agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahu” (Rum:30).

Fitrah ini ialah kecenderungan dirinya untuk mengabdikan dirinya bagi melaksanakan perintah-Nya yang sememangnya terkandung dalam faham dīn. Justeru, ilmu fardhu ain diperlukan untuk melaksanakan segala perintahNYA.

Ilmu fardhu ain juga merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap muslim. Ia menjadi kerangka utama dalam membentuk disiplin manusia. Hal ini kerana intipati dalam ilmu fardhu ain yang meliputi akidah, syariah dan akhlak memainkan peranan penting dalam membentuk unsur dalaman individu (Abdul Raof Dalip, 1991). Unsur dalaman adalah merupakan sikap yang diterjemahkan melalui keyakinan terhadap nilai-nilai yang diyakini dan ianya mampu membentuk tabiat seseorang individu (Muhammad Imaduddin Abdulrahim, 1995). Maka elemen akidah, syariah dan akhlak ini menjadi kerangka utama dalam membentuk nilai-nilai yang dapat mendisiplinkan para pelajar.

Fardhu ain menjadikan manusia patuh pada perintah Allah Ta'ala dan meninggalkan larangan Allah Ta'ala. Menurut Mohd Arshad (1999), solat dapat mengukuhkan iman dan memperisaikan diri dari amalan keji dan mungkar. Meninggalkan solat lima waktu dengan sengaja adalah berdosa dan Allah SWT telah mensyariatkan ibadah ini di dalam al-Quran bahawa barang siapa yang meninggalkan solat lima waktu dengan sengaja akan mendapat balasan di dunia dan di akhirat.

5.0 KEFAHAMAN DAN AMALAN FARDHU AIN KEPADA BELIA

Menurut Abdul Halim El-Muhammady (1984) ilmu fardhu ain ialah ilmu-ilmu yang berkaitan dengan akidah, syariat dan akhlak wajib dipelajari serta diamalkan oleh setiap orang Islam yang berakal dan mencapai umur baligh. Begitu juga Imam al-Ghazali (1988) menekankan konsep kesepaduan ilmu iaitu kesepaduan antara ilmu, amal dan akhlak. Konsep ilmu yang dibincangkan oleh Imam al-Ghazali ini adalah dikaitkan dengan sumber akal yang diciptakan oleh Allah kepada manusia dan segala amalan manusia hendaklah dilakukan bersandarkan ilmu. Oleh itu, segala ilmu yang dipelajari hendaklah berlandaskan al-Quran dan Sunnah serta wajib diamalkan. Konsep kesepaduan ilmu yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali ini bersesuaian dengan kertas konsep yang berkaitan dengan kefahaman dan amalan fardhu ain di kalangan belia.

6.0 KAJIAN LEPAS

Jamaliah Abdul Jalil, Mohd Isa Hamzah dan Maimun Aqsha Lubis (2017), kajian berkaitan dengan Tahap Pengetahuan Dan Amalan Fardhu Ain Anak-Anak Muallaf Sekolah Menengah Di

Bahagian Sri Aman Sarawak. Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan amalan fardhu ain anak-anak muallaf sekolah menengah di bahagian Sri Aman, Sarawak. Selain itu kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti hubungan antara tahap pengetahuan fardhu ain anak-anak muallaf terhadap amalan fardhu ain. Kajian ini terbatas kepada mengukur tahap pengetahuan dan amalan fardhu ain daripada aspek solat fardhu, mandi wajib dan berpakaian menutup aurat. Kajian ini melibatkan seramai 97 orang anak muallaf dari enam buah sekolah menengah di bahagian Sri Aman, Sarawak yang mewakili 89% daripada jumlah keseluruhan populasi. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik. Analisis data secara deskriptif dan inferensi melalui ujian Korelasi Pearson dilakukan dengan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan fardhu ain anak-anak muallaf berada pada tahap tinggi manakala bagi amalan fardhu ain anak-anak muallaf pula berada pada tahap sederhana. Di samping itu, hasil kajian mendapati wujud hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan fardhu ain anak-anak muallaf dengan amalan fardhu ain mereka. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi implikasi kepada ibu bapa, pihak sekolah terutama para guru dan institusi-institusi agama Islam untuk bersama-sama menggembeleng tenaga dan usaha dalam memberi didikan dan bimbingan fardhu ain kepada anak-anak muallaf agar dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan amalan fardhu ain mereka.

Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari (2015), kajian berkaitan Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kefahaman solat fardu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. Penyelidik telah menggunakan borang kaji selidik sebagai instrumen kajian. Satu set soal selidik yang mengandungi 20 item telah diedarkan kepada responden. Manakala data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 20.0 untuk melihat statistik deskriptif. Kajian ini mempunyai tiga skop kajian iaitu kefahaman pelajar tentang solat fardu, kefahaman mereka tentang tuntutan solat berjemaah dan balasan ke atas orang-orang yang meninggalkan solat fardu. Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar muslim semester akhir di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka seramai 75 orang yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Sampel-sampel ini diambil daripada lima program Sijil Kolej Komuniti (SKK) yang terdapat di Kolej Komuniti tersebut iaitu Sijil Pemasangan Elektrik, Sijil Servis kenderaan Ringan, Sijil Kulinari, Sijil Operasi

Perhotelan dan Sijil Fesyen dan Pakaian. Hasil analisis menunjukkan bahawa kefahaman responden tentang solat fardu adalah tinggi. Begitu juga hal keadaannya dengan tahap kefahaman mereka tentang tuntutan solat berjemaah juga tinggi. Manakala tahap kefahaman mereka terhadap balasan ke atas orang-orang yang meninggalkan solat juga berada pada aras yang tinggi. Oleh itu, harapan pengkaji agar para pensyarah meningkatkan daya usaha dan komitmen bagi membimbing pelajar-pelajar dengan menyediakan aktiviti-aktiviti kerohanian. Di antara aktiviti-aktiviti kerohanian yang perlu dilaksanakan ke atas pelajar-pelajar ialah kem ibadah, kursus-kursus dan program pemantapan solat bagi meningkatkan tahap kefahaman dan pelaksanaan solat fardu dalam kehidupan mereka seharian.

Saadah Ibrahim (2012), kajian berkaitan Tahap Kefahaman dan Amalan Terhadap Kefarduan Menutup Aurat di Kalangan Pelajar di Tiga Buah Sekolah Menengah Agama Daerah Pekan. Tujuan utama kajian ini ialah untuk membincangkan tahap kefahaman dan amalan dikalangan pelajar terhadap kefarduan menutup aurat di tiga buah sekolah menengah agama di Daerah Pekan. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah sekolah menengah agama di Daerah Pekan. Seramai 100 orang pelajar telah diambil sebagai sampel kajian. Kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data ialah borang soal selidik. Proses pengumpulan data dilakukan oleh penyelidik sendiri. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program SPSS *for windows* (Version 20.0). Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Kajian mendapati bahawa tahap kefahaman pelajar berkaitan tuntutan menutup aurat berada pada tahap tinggi dengan purata min ialah 4.94. Manakala tahap amalan dan persepsi lebih rendah daripada apa yang mereka fahami iaitu masing-masing atas nilai 4.05 dan 4.78 tetapi masih berada di tahap yang tinggi. Ini kerana semua responden adalah bersekolah agama. Saranan yang dikemukakan untuk memperbaiki lagi tahap amalan mereka adalah melalui penekanan kepada didikan agama oleh semua pihak samada ibubapa, pihak sekolah dan masyarakat sekeliling.

7.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, generasi muda atau belia mempunyai peranan serta kepentingannya tersendiri dalam usaha untuk membangunkan masyarakat dan negara. Belia sebagai pemimpin masa kini

dan masa hadapan mesti bergerak dalam kematangan, keupayaan dan motivasi yang lebih positif dan efektif di dalam komitmen yang lebih kukuh (A. Aziz 1984).

Kesedaran perlu wujud dan berkembang sealiran dengan cita-cita pembinaan budaya bangsa ke arah kewujudan satu negara yang bermaruah dan mempunyai martabat yang tinggi. Tuntutan masyarakat dan global yang semakin canggih, wajarnya memerlukan peranan yang rasional dan beridea daripada belia. Tugas belia serta masyarakat umumnya ialah memastikan agar tuntutan tersebut dipenuhi selengkapnya.

RUJUKAN

- A.Aziz Deraman. (1984). *Belia dan Budaya*. Kementerian Kebudayaan. Belia dan Sukan Malaysia.
- Abdullah Mat Zin. (2015). Utusan. *Mengimbangi Tuntutan Fardhu Ain Dan Fardhu Kifayah*.
- Abdul Ghafar Hj. Don Badlisham Mohd. Nasir, Ideris Endot, Muhammad Redzuan Mohd.Yunus (2007). *Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan*, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Raof Dalip. (1992). *Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di Sekolah Menengah dalam Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Al-Ghazālī, (1971) *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, jil. I, 31.
- Asnarulkhadi AS (2009) *Kelompangan Dasar Belia Negara - Menyangga potensi belia menerusi pendekatan transformasi konflik*. Malaysian Journal of Youth Studies 1, 1-22.
- Azimi,H. (2005) *Helping Malaysian Youth Move Forward: Unleashing The Prime Enablers*. Syarahan Inaugural, 29 April 2005.
- Azizan Bahari. (1995). *Belia dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Azizan Bahari. (1995). *Pergerakan Belia: Persoalan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Dasar Pembangunan Belia Negara (1997). Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Fariah Hussain (2006). *Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja: Kajian Di Alor Setar*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari (2015). *Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka*, Hasna, Ahmad Syukran & Mohd Ismail / Sains Humanika 5:3
- Jalaluddin AM (2009) *Pasca bandar pintar dan pembangunan belia*. Malaysian Journal of Youth Studies,1, 43-68.
- Jamaliah Abdul Jalil, Mohd Isa Hamzah Dan Maimun Aqsha Lubis, (2017). *Tahap Pengetahuan Dan Amalan Fardhu Ain Anak-Anak Muallaf Sekolah Menengah Di Bahagian Sri Aman Sarawak* ,Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (Acer-J) Volume 1(1) January 2017, 107-123.
- Kamus Dewan. (1994). Ed. Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Arshad (1999). *Solat Fardhu sebagai Wadah Jamaah dan Perpaduan Ummah*. *Penulisan Ilmiah*.
- Mohd Huzairi Awang. (2010). *Persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadap pembelajaran fardhu ain: Cabaran terhadap guru*. Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education:Joint Conference UPI & UPSI.

- Mohd Ismail Mustari. (1999). *Belia sebagai insan cemerlang dari perspektif Islam: Kajian status belia-belia Felda Bukit Ramun, Kulai, Johor*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Imaduddin Abdulrahim. Siri Monograf IKD. *Semangat Tawhid & Motivasi Kerja*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar(IKD) Malaysia.
- Saadah Ibrahim (2012). *Tahap Kefahaman Dan Amalan Terhadap Kefarduan Menutup Aurat Di Kalangan Pelajar Di Tiga Buah Sekolah Menengah Agama Daerah Pekan* (Disertasi Ijazah Sarjana Muda Dalam Bidang Pengajian Islam, Open University Malaysia).
- Saidi Daud. (2008). *Faktor-faktor yang mempengaruhi masalah disiplin dikalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di sekitar, Daerah Klang, Selangor*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Pahrol Mohamad Juoi, (2010). *Salah Faham Tentang Islam*. Fitrah Perkasa Sdn. Bhd.